

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

SKW103 - Pengantar Sains Politik

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana TIGA (3) soalan. Setiap satu bernilai 100 markah.

1. Dengan berpandukan pendekatan sistem, model sistem politik dan contoh sebuah negara tertentu, apakah fahaman anda tentang proses politik? Mengapakah kajian ilmu politik penting?
(100 Markah)
2. Apakah yang dimaksudkan dengan "ideologi"? Apakah peranannya dalam proses politik?
(100 Markah)
3. Apakah pemahaman anda tentang konsep "demokrasi"? Apakah pendapat anda tentang hujah yang mengatakan bahawa demokrasi ialah satu kaedah dan bukannya satu ideologi yang dogmatis?
(100 Markah)
4. "Ramai pemimpin-pemimpin negara dunia ketiga telah menolak demokrasi dengan alasan negara mereka "belum bersedia untuk demokrasi" atau dengan hujah-hujah yang cuba menunjukkan keburukan sistem demokrasi. Namun negara mereka terus gagal, baik dari segi kemajuan ekonomi mahukan kestabilan sosial, apatah lagi kalau diukur oleh ukuran kebebasan dan hak asasi." Apa pendapat anda?
(100 Markah)

5. "Di masyarakat majmuk dimana terdapat kepelbagaian kaum, kumpulan etnik atau agama, usaha untuk membentuk sebuah negara-bangsa melalui paksaan budaya keatas golongan minoriti telah terbukti gagal. Pembentukan bangsa hanya boleh berjaya dengan usaha terus menerus yang berlandaskan toleransi, hak-hak minoriti, kesederhanaan dan persemuafakatan." Dengan menggunakan contoh-contoh yang jelas, bincangkan pernyataan diatas.

(100 Markah)

6. Tiga saluran utama penyertaan warganegara dalam sebuah sistem politik yang demokratik ialah parti, kumpulan pendesak dan pilihanraya. Pilih salah satu dari saluran ini dan bincangkan bentuk, peranan dan proses dalam sumbangannya kepada penyertaan-penyertaan politik.

(100 Markah)

- oo o0o oo -